



■ SEN. DATUK HJ. MUSTAFA

Mustafa Jabar serahkan surat berhenti hari ini

KUALA LUMPUR, Rabu

SENATOR Datuk Haji Mustafa Jabar akan menyerahkan surat perletakan jawatan Setiausaha Agung UMNO Malaysia kepada Presiden baru parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pagi esok.

Beliau akan menyampaikan sendiri surat tersebut dalam rundingannya dengan Datuk Seri Dr. Mahathir, di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Bagaimanapun, perletakan jawatan itu akan berkuatkuasa selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO yang baru dan tarikhnya sehingga ini belum ditetapkan lagi.

Seperti biasa, sidang MT baru itu diadakan selepas penyusunan kabinet.

Ketika ditemui hari ini, Datuk Haji Mustafa berkata, tindakannya itu untuk memberi peluang kepada Datuk Seri Dr. Mahathir melantik tokoh muda menduduki kerusi Setiausaha Agung UMNO sesuai dengan perkembangan dan keadaan semasa.

Tokoh muda

Katanya, "tokoh muda mempunyai tenaga kuat untuk ke sana ke mari menjalankan urusan parti, memandangkan jawatan Setiausaha Agung, satu jawatan yang penting dalam organisasi UMNO."

Menurut beliau, pada masa ini, ramai tokoh muda dalam UMNO berkebolehan dan layak memegang jawatan tersebut.

Senator Datuk Haji Mustafa mensifatkan ja-

watan itu sebagai yang penting untuk menjaga kestabilan politik parti dan negara. "Sesiapa yang memegang jawatan ini, memikul tanggungjawab yang amat besar dengan sikap-sikap yang jujur, cermat, dedikasi dan amanah," ujarnya.

Ditanya, siapakah dari tokoh-tokoh muda yang layak mengambil jawatan itu, Datuk Haji Mustafa berkata, "itu terpujang kepada Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai Presiden parti yang baru, kerana kuasa perantaraan di tangannya."

Berikrar

Beliau memberitahu, sidang MT baru yang akan datang, akan melantik Setiausaha Agung baru, Ketua Pengerangan, Bendahari dan tujuh orang ahli MT, di bawah kuasa Presiden parti.

Datuk Haji Mustafa berikrar untuk terus memberi sokongan kuat dan kerjasama rapat kepada Datuk Seri Dr. Mahathir dan lain-lain pemimpin UMNO yang diberi amanah oleh Perhimpunan Agung UMNO yang baru lalu.

Beliau yakin, UMNO di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan dapat terus kekal kestabilan politik negara.

Menurut beliau, surat-surat perantaraan 'tauliah' memegang jawatan dalam MT akan dihantar kepada tokoh-tokoh yang terpilih dalam perhimpunan baru-baru ini kecuali Datuk Haji Harun Idris yang terpaksa mendapatkan kebenaran pihak Pend-

atar Pertubuhan untuk memegang jawatan Naib Presiden UMNO yang di-menangnya itu.

Tarikh mesyuarat MT yang akan datang akan dirunding dengan Datuk Seri Dr. Mahathir esok, katanya.

Beliau juga akan berunding mengenai cadangan mengadakan majlis perpisahan antara ahli-ahli MT dengan bekas Presiden UMNO, Datuk Hussein Onn.

Mengenai perjalanan perhimpunan agung tempoh hari, Datuk Haji Mustafa puashati kerana ia berjalan dengan licin dan mendapat kerjasama dari perwakilan.

Beliau berharap, kerjasama seumpama itu akan terus diberikan, supaya UMNO menjadi parti politik yang boleh dijadikan contoh dalam amalan demokrasi di negara ini.

Bergantung

Kepada tokoh-tokoh yang tidak berjaya, Datuk Haji Mustafa berharap, mereka akan terus memberikan sokongan penuh dan menghayati parti di peringkat masing-masing.

Tegas beliau, kekuatan UMNO bukan sahaja bergantung kepada MT, tetapi kekuatan akar-umbunya di peringkat bahagian dan cawangan.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan MT, Tan Sri Syed Nasir Ismail ahli-ahli jawatankuasa serta pegawai-pegawai bertugas, kerana atas dayausaha mereka perbuangan undi berjalan sempurna.